

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | KETUA PENGARAH FRIM TERIMA ANUGERAH PERDANA | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Color | Full Color |
| Date | 27 Dec 2016 | Circulation | 179,231 |
| Section | Agro | Readership | 537,693 |
| Page No | 8 | ArticleSize | 272 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 10,674 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 32,022 |
| Frequency | Daily | | |



KETUA PENGARAH FRIM TERIMA ANUGERAH PERDANA

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod baru-baru ini menerima Anugerah Perdana daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) bagi kategori Tokoh Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) 2016.

Anugerah yang disampaikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Sri Mustapa Mohamed itu diterima sempena majlis pelancaran Buku Dikir Barat di Persidangan Buku Antarabangsa 2016.

Persidangan anjuran bersama YPBN, IIUM Press, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) itu berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 14 Disember sehingga 15 Disember 2016 lalu.

Turut hadir pada majlis itu adalah isteri dan anak Dr Abd Latif iaitu Datin Halida Kasmin dan Muhammad Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM Datuk Dr

Rahim Sudin, Pengarah Perancangan Penyelidikan Dr Nur Supardi Md Noor, Ketua Program Biodiversiti Flora Dr Richard Chung dan Ketua Komunikasi Korporat Norhayati Nordin.

Penerima lain bagi Anugerah Perdana tahun ini adalah Profesor Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak bagi Tokoh Pengarang Negara, Tan Sri Datuk Ng Teck Fong (Tokoh Perdana), Datuk Seri Profesor Dr Khairil Annas Jusoh (Tokoh Kepimpinan) dan Fisal Md Hasim (Tokoh Perbukuan Islam).

Pada masa sama Dr Abd Latif turut menerima memenangi Anugerah Buku Negara (Kategori Buku Teknikal Terbaik) bagi buku bertajuk 'Sinonim Nama Tempat Dengan Nama Tumbuhan.'

Anugerah yang diterima pada 14 Disember itu pula disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Sri Tajuddin Abdul Rahman sempena majlis perasmian Ekspo Buku

Malaysia, Persidangan Buku Antarabangsa dan Anugerah Buku Negara.

"Saya berasa amat bangga dan berbesar hati atas penerimaan dua anugerah ini dan berharap kejayaan kami bakal memberi inspirasi dan motivasi kepada lebih ramai orang terutamanya generasi muda untuk membaca serta menulis," katanya.

Katanya, buku yang dihasilkan bersama Dr Ahmad Zuhaidi Yahya, Zawiah Ngah, Nik Zanariah Nik Mahmood dan Othaman Hasin itu adalah hasil aspirasi yang dibangkitkan dalam Majlis Biodiversiti Negara pada tahun 2013 untuk dijadikan rujukan kebangsaan serta mempromosi usaha pemeliharaan pokok tradisi di negara ini.

Menariknya, buku dengan 354 muka surat itu memaparkan nama tempat yang sinonim dengan 149 tumbuhan di negara ini dan terdapat nama tempat sempena nama pokok

mengikut sebutan atau loghat sesebuah lokasi.

Dalam buku yang sama turut dilampirkan senarai spesies bunga sayur popular yang sinonim dengan nama tempat, senarai nama tempat mengikut negeri yang sinonim dengan tumbuhan tempatan serta senarai tempat mengikut negeri sinonim dengan nama saintifik tumbuhan.

Buku berkenaan adalah penerbitan FRIM kelima yang memenangi Anugerah Buku Negara selepas buku bertajuk 'FRIM Tapak Warisan Semula Jadi Negara' yang diterbitkan pada tahun 2010 dan 'Wild Orchids of Peninsular Malaysia' terbitan tahun 2012 menerima Anugerah Buku Negara bagi Buku Teknikal Terbaik.

Pada 2013, FRIM memenangi Anugerah Industri Buku (kategori Sains) bagi '99 Spesies Buah di FRIM' dan Anugerah Perdana (kategori Penyelidikan) untuk 'FRIM Warisan Kebangsaan'.



DR Abdul Latif (tengah) turut menerima Anugerah Buku Negara (kategori Buku Teknikal Terbaik) bagi buku bertajuk 'Sinonim Nama Tempat Dengan Nama Tumbuhan' yang dihasilkan bersama (dari kiri) Zawiah, Othaman, Dr Ahmad Zuhaidi dan Nik Zanariah.